

EMPAT LAGI KES NAJIB RAZAK

[1]

KES RM2.3B 1MDB

Empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan ganjaran sebanyak **RM2.3 bilion** membabitkan dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan wang sama. Kes itu masih dibicarakan di peringkat pendakwaan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Collin Lawrence Sequerah.

[2]

PINDAAN LAPORAN AUDIT 1MDB

Menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan **pindaan terhadap laporan akhir audit 1MDB** yang dimuktamadkan Ketua Audit Negara sebelum laporan itu sekali lagi dimuktamad dan dibentangkan di hadapan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi mengelak sebarang tindakan diambil terhadapnya. Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB Arul Kanda Kandasamy didakwa bersubahat dengan Najib melakukan pindaan berkenaan bagi melindungi beliau daripada diambil tindakan. Kes itu didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan.

Arul Kanda

[3]

PENGUBAHAN WANG RM27 JUTA

Kes berhubung tiga pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan **RM27 juta dana SRC International Sdn Bhd (SRC)** yang dijadual bermula 5 Julai tahun depan. Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan menetapkan perbicaraan pada bulan Julai iaitu 5 hingga 8; 12 hingga 15 dan 26 hingga 29 Julai. Mahkamah juga menetapkan 11 Ogos untuk pengurusan kes selanjutnya.

SRC

SRC International Sdn. Bhd.

[4]

KES PECAH AMANAH RM6.6B

Najib dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, **Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah** berdepan enam tuduhan pecah amanah melibatkan wang milik kerajaan Malaysia berjumlah **RM6,636,065,000**.

- 1 Bagi pertuduhan pertama, Najib dan Mohd Irwan Serigar didakwa bersama-sama sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia masing-masing dalam kapasiti itu sudah diamanahkan dengan penguasaan ke atas harta itu iaitu sejumlah **RM1.2 bilion milik kerajaan Malaysia** telah melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta berkenaan.
- 2 Mengikut pertuduhan kedua, Najib dan Mohd Irwan Serigar didakwa bersama-sama atas jawatan sama yang telah diamanahkan dengan harta sejumlah **RM655 juta milik Kerajaan Malaysia**, telah melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta tersebut.
- 3 Bagi pertuduhan ketiga mereka didakwa bersama-sama atas jawatan serupa telah melakukan pecah amanah iaitu sejumlah **RM220 juta**, peruntukan di bawah 'Belanja Mengurus di bawah Maksud B11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Aktiviti 021700 KL International Airport Berhad (KLIAB)' milik Kerajaan Malaysia.
- 4 Kedua-dua tertuduh juga didakwa bersama-sama atas jawatan sama telah melakukan pecah amanah sejumlah **RM1.3 bilion**, peruntukan di bawah 'Maksud B11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Aktiviti 020500 Subsidi Dan Bantuan Tunai' milik Kerajaan Malaysia.
- 5 Bagi pertuduhan kelima dan keenam, mereka didakwa bersama-sama atas jawatan serupa melakukan pecah amanah sejumlah **CNY1,950,000,000 (bernilai RM1,261,065,000)** dan **RM2 bilion** milik Kerajaan Malaysia.
- 6

Najib dan Mohd Irwan Serigar dituduh melakukan kesemua kesalahan itu di Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 21 Disember 2016 bagi pertuduhan pertama dan kedua, pada 3 Ogos 2017 pertuduhan ketiga manakala pertuduhan keempat hingga keenam pada 10 Ogos 2017, 23 Ogos 2017 dan 18 Disember 2017.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama yang memperuntukkan **hukuman penjara maksimum 20 tahun** dan sebatan dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Mohd Irwan
Serigar